



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/1/2013

Hadi pertahan kongsi kalimah

Petaling Jaya: Pembangkang memutuskan kalimah Allah boleh digunakan bukan Islam, tetapi tidak boleh diterjemah dalam sebarang bahasa termasuk bahasa Melayu.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata parti itu mempertahankan keputusan dua tahun lalu untuk membenarkan kalimah itu digunakan penganut agama lain.

Katanya, Islam tidak menghalang penganut agama lain menggunakan kalimah itu dalam amalan mereka walau-

pun tidak mencapai maksud asal seperti dalam al-Quran.

Beliau berkata, umat Islam pelbagai bangsa tetap menyebut Allah yang bermaksud Tuhan yang Maha Esa apabila menterjemah al-Quran ke bahasa masing-masing dan ketika beribadat.

"Penggunaan kalimah Allah tidak wajar disalah guna oleh pihak tertentu kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi pakatan pembangkang, di ibu pejabat

Parti Keadilan Rakyat (PKR), di sini semalam.

Keputusan PAS disokong Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan veteran DAP, Lim Kit Siang yang turut hadir sidang media itu.

Mengenai titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, kalimah Allah tidak boleh sama sekali digunakan di Selangor oleh mana-mana agama bukan Islam seperti fatwa yang diwartakan pada 18 Februari 2010, Abdul Hadi berkata, beliau tidak mahu menegulas mengenainya.

Anwar mengalu-alukan keputusan PAS itu sebagai pendirian bersama pakatan pembangkang yang turut dipersejuti oleh PKR dan DAP.

Mengenai tindakan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melarang penggunaan kalimah itu di kalangan bukan Islam, Anwar berkata MAIS adalah badan bebas di luar pentadbiran kerajaan negeri.

"Kami mahu semua pihak termasuk gereja dan bukan Islam menghormati kalimah itu (Allah) seperti umat Islam memuliakan Allah," katanya.

BH-9/1/2013